



2 September 2013  
2 September 2013  
P.U. (A) 279

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PELINDUNG (PERJANJIAN  
PERDAGANGAN BARANGAN BAGI PERJANJIAN RANGKA  
KERJA KERJASAMA EKONOMI KOMPREHENSIF ANTARA  
PERTUBUHAN BAGI NEGARA-NEGARA ASIA TENGGARA  
DAN CHINA (LANGKAH PERLINDUNGAN)) 2013

*SAFEGUARDS (AGREEMENT ON TRADE IN GOODS OF THE  
FRAMEWORK AGREEMENT ON COMPREHENSIVE  
ECONOMIC CO-OPERATION BETWEEN THE ASSOCIATION  
OF SOUTHEAST ASIAN NATIONS AND CHINA  
(SAFEGUARD MEASURE)) REGULATIONS 2013*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PELINDUNG 2006

PERATURAN-PERATURAN PELINDUNG (PERJANJIAN PERDAGANGAN BARANGAN BAGI PERJANJIAN RANGKA KERJA KERJASAMA EKONOMI KOMPREHENSIF ANTARA PERTUBUHAN BAGI NEGARA-NEGARA ASIA TENGGARA DAN CHINA (LANGKAH PERLINDUNGAN)) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 40A(2) Akta Pelindung 2006 [Akta 657], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pelindung (Perjanjian Perdagangan Barangan bagi Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif antara Pertubuhan bagi Negara-Negara Asia Tenggara dan China (Langkah Perlindungan)) 2013.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 2 September 2013.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“ACFTA” ertinya Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China;

“China” ertinya Republik Rakyat China;

“MFN” ertinya layanan *most-favoured-nation*;

“Perjanjian” ertinya Perjanjian Perdagangan Barangan bagi Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif antara Pertubuhan bagi Negara-Negara Asia Tenggara dan China yang ditandatangani pada 29 November 2004 di Vientiane, Lao PDR;

“Perjanjian Rangka Kerja” ertinya Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif antara Pertubuhan bagi Negara-Negara Asia Tenggara dan China yang ditandatangani pada 4 November 2002 di Phnom Penh, Cambodia;

“Pihak” ertinya suatu pihak kepada Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif antara Pertubuhan bagi Negara-Negara Asia Tenggara dan China secara individu merujuk kepada Negara Anggota ASEAN atau China;

“Pihak-Pihak” ertinya pihak kepada Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif antara Pertubuhan bagi Negara-Negara Asia Tenggara dan China.

### **Objektif**

3. Objektif Peraturan-Peraturan ini adalah untuk melaksanakan peruntukan mengenai langkah perlindungan di bawah Perjanjian.

### **Langkah perlindungan**

4. Pengegaan langkah perlindungan berhubung dengan peningkatan import keluaran daripada negara Pertubuhan bagi Negara-Negara Asia Tenggara dan China yang telah menyebabkan atau mengancam untuk menyebabkan kemudaratan yang serius bagi industri dalam negeri adalah tertakluk kepada peruntukan Jadual.

#### JADUAL

[Peraturan 4]

#### Langkah Perlindungan

1. Setiap Pihak, yang menjadi ahli WTO, mengekalkan hak dan obligasinya di bawah Artikel XIX GATT 1994 dan Perjanjian tentang Pelindung WTO.

2. Berkenaan dengan langkah perlindungan ACFTA, suatu Pihak hendaklah mempunyai hak untuk memulakan langkah itu ke atas suatu produk dalam tempoh transisi bagi produk itu. Tempoh transisi suatu produk hendaklah bermula dari tarikh kuat kuasa Perjanjian itu dan tamat lima tahun dari tarikh penghapusan/penurunan tarif selesai bagi produk itu.

3. Suatu Pihak hendaklah bebas untuk mengambil langkah perlindungan ACFTA sekiranya sebagai kesan obligasi yang ditanggung oleh Pihak itu, termasuk konsesi tarif di bawah *Early Harvest Programme* bagi Perjanjian Rangka Kerja atau Perjanjian itu, atau, sekiranya sebagai akibat pembangunan yang tidak dijangka dan sebagai kesan obligasi yang ditanggung oleh Pihak itu, termasuk konsesi tarif di bawah *Early Harvest Programme* bagi Perjanjian Rangka Kerja atau Perjanjian itu, import mana-mana produk tertentu daripada Pihak-Pihak lain meningkat dalam apa-apa kuantiti, secara mutlak atau relatif kepada pengeluaran dalam negeri, dan di bawah apa-apa keadaan yang akan menyebabkan atau mengancam untuk menyebabkan kemudaratan serius kepada industri dalam negeri Pihak pengimport yang mengeluarkan keluaran serupa atau yang bersaing secara langsung.
4. Sekiranya suatu langkah perlindungan diambil, suatu Pihak yang mengambil langkah itu boleh menaikkan kadar tarif yang terpakai bagi produk berkenaan kepada kadar tarif WTO MFN yang terpakai bagi produk itu semasa langkah itu diambil.
5. Apa-apa langkah perlindungan boleh dikekalkan bagi suatu tempoh permulaan sehingga 3 tahun dan boleh dilanjutkan bagi suatu tempoh tidak lebih 1 tahun. Walau apa pun tempoh bagi langkah perlindungan ACFTA bagi suatu produk, langkah itu hendaklah ditamatkan di akhir tempoh transisi bagi produk itu.
6. Apabila mengenakan langkah perlindungan ACFTA, Pihak-Pihak hendaklah menerima pakai kaedah-kaedah bagi pengenalan langkah perlindungan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perjanjian tentang Pelindung WTO, dengan kecualian langkah sekatan kuantitatif yang dinyatakan dalam Perkara 5, 9, 13 dan 14 Perjanjian tentang Pelindung WTO. Oleh itu, semua peruntukan lain Perjanjian tentang Pelindung WTO hendaklah, *mutatis mutandis*, dimasukkan ke dalam dan menjadi suatu bahagian integral Perjanjian.
7. Langkah perlindungan ACFTA tidak dikenakan terhadap suatu produk yang berasal daripada suatu Pihak, selagi bahagian import produk berkenaan dalam negara Pihak pengimport tidak melebihi 3% jumlah import daripada Pihak-Pihak.
8. Dalam menuntut pampasan di bawah Perkara 8 Perjanjian tentang Pelindung WTO bagi suatu langkah perlindungan ACFTA, Pihak-Pihak hendaklah meminta jasa baik badan yang disebut dalam perenggan 12 untuk menentukan taraf konsesi yang setara penting terlebih dahulu bagi apa-apa penanguhan konsesi yang setara. Apa-apa prosiding yang berpunca daripada jasa baik itu hendaklah diselesaikan dalam 90 hari dari tarikh langkah perlindungan ACFTA itu dikenakan.
9. Apabila suatu Pihak menamatkan langkah perlindungan ACFTA ke atas suatu produk, kadar tarif bagi produk itu hendaklah pada kadar yang, mengikut jadual pengurangan dan penghapusan tarif Pihak itu,